KOSPERA

كوڤراسي سوروهنجاي ڤنچڬهن رسواه مليسيا برحد

# LAPORAN TAHUNAN 2023

*"Prihatin, Mesra dan Profesional"*

# KANDUNGAN


01 Mesej Pengerusi KOSPERA

02 Info Korporat

03 Aktiviti 2023

04 Agenda Mesyuarat

05 Laporan Berkanun Lembaga

06 Laporan Jawatankuasa Audit Dalam

07 Laporan Juruaudit 2023

08 Penyata Perakaunan 2023

09 Anggaran Belanjawan 2025

10 Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-5

# DARI MEJA PENGERUSI KOSPERA



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, marilah sama-sama kita panjatkan kesyukuran kepada ALLAH SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat lagi kita diberi kesempatan untuk menikmati pelbagai rahmat dan cabaran di samping menghayati nikmat iman dan ihsan.

Setelah sekian lama perancangan dibuat bagi mewujudkan COOPMART KOSPERA di Aras 3 Ibu Pejabat SPRM, akhirnya ianya telah dibuka secara rasminya pada 30 November 2023. Majlis perasmian yang telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hj. Azam bin Baki, Ketua Pesuruhjaya SPRM merangkap Penaung KOSPERA turut disertai bersama Pengarah SKM Wilayah Persekutuan, Tuan Hj. Effendee O.P Andu, Setiausaha Eksekutif ANGKASA, Tuan Hj. Hasnan Mustapha serta Pengerusi PUSPANITA SPRM, Puan Sri Hjh. Normah Mohd Zain. Terima kasih tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung terutamanya SKM Wilayah Persekutuan di atas bantuan dana bagi menampung kos pembinaan.

Tarikh 30 November 2023 juga telah menyaksikan peluncuran portal KOSPERA serta sistem semakan caruman anggota yang dinamakan myKOSPERA. Semoga Portal KOSPERA dan myKOSPERA ini dapat sedikit sebanyak dijadikan platform informasi kepada para Anggota KOSPERA dan warga SPRM amnya.

Kepada semua Anggota yang dihormati, terima kasih kerana terus berdiri bersama kami di KOSPERA. Terima kasih juga di atas kepercayaan yang diberikan kepada saya serta seluruh Anggota Lembaga dan pasukan kerja KOSPERA untuk mentadbir dan menggalas tanggungjawab yang diberikan. Saya juga ingin menzahirkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Pengurusan Tertinggi SPRM yang senantiasa memberikan galakan dan sokongan terhadap KOSPERA. Akhir kata, saya menyeru kepada semua warga SPRM, marilah sama-sama kita memperkasakan koperasi ini. Sekian.

**Dato' Sri Shamshun Baharin bin Mohd Jamil**

# INFO KORPORAT



## VISI

Menjadikan sebuah koperasi yang terbaik dan unggul dalam memberi kemudahan dan perkhidmatan yang lebih baik kepada anggota

## MISI

Meningkatkan taraf sosio ekonomi dan kebajikan anggota dengan kualiti perkhidmatan yang terbaik

## MOTTO

‘Prihatin, Mesra dan Profesional’

## OBJEKTIF

- Meningkatkan taraf sosio ekonomi anggota;
- Menjaga kepentingan dan kebajikan anggota;
- Memperkasa budaya saling membantu;
- Memastikan pengurusan yang efisien, berhemah dan telus, dan
- Menjamin pulangan yang baik ke atas modal saham yang dilaburkan.



## PIAGAM PELANGGAN



- Memastikan kebajikan anggota diutamakan;
- Memastikan perkhidmatan adalah terbaik dan efisien; dan
- Amanah dan telus dalam semua aktiviti.

# INFO KORPORAT

## CARTA ORGANISASI AHLI LEMBAGA KOSPERA 2024

**PENGERUSI**
Dato' Sri Hj. Shamshun Baharin bin Mohd Jamil

**SETIAUSAHA**
Megat Nor Esham bin Megat Mohd Salleh

**BENDAHARI**
Effezul Azran bin Abd Maulop

**PENOLONG SETIAUSAHA**
(kosong)

**PENOLONG BENDAHARI**
Harmilah binti Kudi

**AHLI LEMBAGA**
Dato' Indera Junipah binti Wandi

**AHLI LEMBAGA**
Saiful Azri bin Mohamad

**AHLI LEMBAGA**
Fatimah binti Ali

**AHLI LEMBAGA**
Mohammad Lotfi bin Ismail

**AHLI LEMBAGA**
Noraini binti Ahmad

**AHLI LEMBAGA**
Suzana binti Mohamad Ramli

**AHLI LEMBAGA**
Azwani binti Talha

**AHLI LEMBAGA**
Fariza binti Omar

**AHLI LEMBAGA**
Siti Zubaidah binti Mohd Yusoff

**AHLI LEMBAGA**
Mohamad Izam bin Abd. Nasir

# INFO KORPORAT

## JAWATANKUASA AUDIT DALAM KOSPERA 2024

**KETUA JURUAUDIT DALAM**
Mohd Nazali bin Md Jidin

**JURUAUDIT DALAM**
Muhammad Faiz bin Rahmat

**JURUAUDIT DALAM**
Harussani bin Hamzah

## STAF KOSPERA 2024

Nooramira binti Mohd Noor Rawi

Siti Faten Atikah binti Mat Lazid

Irdawaty Natasya binti Ismail

# INFO KORPORAT



## ANGGOTA KOSPERA SEHINGGA 31 DIS 2023

# 594 AHLI







MODAL YURAN SEHINGGA 31 DIS 2023




MODAL SYER SEHINGGA 31 DIS 2023

# AKTIVITI 2023

## PROJEK PEMBINAAN COOPMART KOSPERA



**COOPMART KOSPERA** telah dirasmikan pembukaannya oleh YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hj. Azam bin Baki, Ketua Pesuruhjaya SPRM pada 30 November 2023. Projek pengubahsuaian ini menelan perbelanjaan hampir RM320 ribu yang turut mendapat bantuan dana daripada pihak SKM, telah dimulakan pada Januari 2023.

Pewujudan COOPMART ini bertujuan untuk memberi kemudahan kepada warga SPRM di samping menjadi platform untuk ahli KOSPERA di dalam memasarkan produk masing-masing serta membantu di dalam menyediakan peluang untuk menambah pendapatan ahli.

Sebelum COOPMART ini dibuka di Aras 3 Blok A Ibu Pejabat SPRM, lokasi asal kedai ini adalah di Aras 7, Blok C.



Sebelum Pembinaan



Selepas Pembinaan





# AKTIVITI 2023

## PROGRAM DAN KERJASAMA

**01** — 19 JANUARI
BENGKEL PEMERKASAAN PENYELIAAN KOPERASI WILAYAH PERSEKUTUAN

**02** — 26 JANUARI
SESI PERBINCANGAN BERSAMA KOPERASI JPM BERKAITAN PENGURUSAN PEMBIAYAAAN BERLANDASKAN SYARIAH

**03** — 10 FEBRUARI
KUNJUNGAN MESRA DAN USAHASAMA KOSPERA BERSAMA BANK RAKYAT

**04** — 12 JUN
KUNJUNGAN DAN SESI PERKONGSIAN ILMU PENGURUSAN KOPERASI BERSAMA SKM

**05** — 21 SEPTEMBER
SESI BENGKEL PENGENALAN SYORAKA (PLATFORM PENGURUSAN KREDIT PATUH SYARIAH) ANGKASA

**06** — 08 DISEMBER
KUNJUNGAN MESRA DAN KERJASAMA RANGKAIAN BERSAMA YaPEIM

# AKTIVITI 2023

## MESYUARAT

| | |
|---|---|
| 02 FEBRUARI | MESYUARAT PEMATUHAN SYARIAH BERSAMA PIHAK ANGKASA |
| 19 FEBRUARI | MESYUARAT AHLI LEMBAGA KOSPERA BIL. 1/2023 |
| 23 MAC | MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PROJEK COOPMART BIL.1 |
| 22 MEI | MESYUARAT AHLI LEMBAGA KOSPERA BIL. 2/2023 |
| 22 MEI | MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PROJEK COOPMART BIL.2 |
| 08 SEPTEMBER | MESYUARAT AHLI LEMBAGA KOSPERA BIL. 3/2023 |
| 21 SEPTEMBER | MESYUARAT JAWATANKUASA SYARIAH ANGKASA |
| 01 NOVEMBER | MESYUARAT PENYELARASAN PELANCARAN KAD KREDIT i-SPRM BERSAMA BANK RAKYAT |
| 08 DISEMBER | MESYUARAT AHLI LEMBAGA KOSPERA BIL. 4/2023 |









# AKTIVITI 2023

## SUMBANGAN KHAIRAT KEMATIAN

Sepanjang tahun 2023, KOSPERA telah menyelesaikan tuntutan bayaran khairat kematian kepada senarai anggota seperti di dalam jadual.

| BIL. | NAMA | NO.ANGGOTA | KHAIRAT KEMATIAN | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Rohayu binti Ariffin | K00222 | Ibu | RM300.00 |
| 2. | Khairulnizam bin Musa | K00356 | Bapa | RM300.00 |
| 3. | Mariana binti Mansor | K00291 | Ibu | RM300.00 |
| 4. | Soock Wee a/l Ei Tem | K00500 | Bapa | RM300.00 |
| 5. | Rozi binti Rahman | K00284 | Suami | RM500.00 |
| 6. | Suzeliyana binti Hashim | K00116 | Ibu | RM300.00 |
| 7. | Ku Faris Hazim bin Ku Muhammad | K00150 | Ibu | RM300.00 |
| 8. | Mohammad Radzuan bin Ismail | K00381 | Bapa | RM300.00 |
| 9. | Mohamad Syakir bin Zakaria | K00395 | Ibu | RM300.00 |
| 10. | Mau Han Kee | K00225 | Bapa | RM300.00 |
| 11. | Naznin binti Ahmad Zahidi | K00041 | Ibu | RM300.00 |
| 12. | Nurul Azwa binti Che Ahmad | K00147 | Bapa | RM300.00 |
| 13. | Hazrul Shazreen bin Abd Yazid | K00518 | Ibu | RM300.00 |
| 14. | Taufik bin Tajudin | K00053 | Bapa | RM300.00 |
| 15. | Hung Heng Hong | K00102 | Bapa | RM300.00 |
| 16. | Mohd Irshad Alif bin Mohd Lasim | K00388 | Bapa | RM300.00 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | | | **RM5,000.00** |

Merujuk kepada **Aturan Kumpulan Wang Kebajikan** yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan 2020, KOSPERA telah menyediakan kemudahan untuk anggota menuntut sumbangan wang khairat untuk bantuan urusan kematian mengikut jadual tuntutan yang telah ditetapkan seperti dibawah:

- Anggota - RM1,000.00
- Isteri/suami anggota - RM500.00
- Ahli keluarga terdekat (ibu/bapa atau anak kandung) - RM300.00

# AKTIVITI 2023

KEDAI KOSPERA








KOSPERA

كوڤراسي سوروهنجاي ڤنچڬهن رسواه مليسيا برحد

# LAYARI PORTAL KOSPERA

www.kospera.coop.my

**PORTAL BAHARU YANG MEMPERMUDAHKAN PARA ANGGOTA MENDAPATKAN INFO TERKINI DAN LATAR BELAKANG PENGURUSAN KOSPERA**

Berita dan aktiviti



Laporan kewangan





Aturan aktiviti

Makluman caruman






Bantuan dan kebajikan

Promosi dan kelayakan




**UNTUK INFO LANJUT SILA HUBUNGI**

03-88911911

# *Manual Penggunaan Sistem* MYKOSPERA

https://www.mykospera.coop.my/

**Sistem ini bertujuan untuk memudahkan Ahli KOSPERA bagi mengetahui jumlah caruman saham dan yuran yang terkumpul. Untuk makluman, data yang dipaparkan adalah 6 bulan terkini. Data ini akan dikemaskini dari semasa ke semasa.**



## A CAPAIAN DAN LOG MASUK SISTEM

**LANGKAH 1**




Klik **LOG MASUK pada halaman utama**

**LANGKAH 2**




Bagi **pengguna pertama kali**, **ID PENGGUNA** dan **KATA LALUAN** adalah menggunakan **nombor kad pengenalan tanpa (-)**

Setelah mengisi ID Pengguna dan Kata Laluan, klik **LOG MASUK**

**LANGKAH 3**

Paparan **NOMBOR KAD PENGENALAN** pengguna







Paparan **NAMA** pengguna

Paparan **DASHBOARD** menunjukkan :

- Jumlah Saham Terkumpul
- Yuran Bulanan Terkumpul
- Jumlah Pinjaman Terkumpul
- Dividen

untuk **6 bulan terkini**

## B KEMASKINI MAKLUMAT

**LANGKAH 1**

Klik **PENGURUSAN ANGGOTA** dan pilih **PROFIL ANGGOTA**.

***[Nama Penuh, No. Kad Pengenalan dan Status Keahlian tidak boleh dikemaskini oleh pengguna]***

Sekiranya terdapat sebarang perubahan, sila maklum kepada staf KOSPERA




**LANGKAH 2**

Klik **KEMASKINI** untuk mengemaskini maklumat anggota

### MAKLUMAT WARIS

**LANGKAH 1**

Klik **PENGURUSAN ANGGOTA** dan pilih **PROFIL WARIS.**

*[Anggota dinasihatkan untuk mengemaskini maklumat sekurang-kurangnya seorang waris berserta nombor telefon bimbit yang boleh dihubungi.]*




**LANGKAH 2**

Klik **di sini** untuk mengemaskini **MAKLUMAT WARIS**

## C MAKLUMAT POTONGAN SAHAM DAN YURAN

### MAKLUMAT SAHAM

**LANGKAH 1**

Klik **MAKLUMAT KEWANGAN** dan pilih **MAKLUMAT SAHAM**




### MAKLUMAT YURAN

**LANGKAH 1**

Klik **MAKLUMAT KEWANGAN** dan pilih **MAKLUMAT YURAN**




Anggota boleh memuat turun atau mencetak penyata maklumat caruman yuran sekiranya perlu, dengan menekan pilihan seperti tertera.

# D KEMASKINI KATA LALUAN

**LANGKAH 1**

Klik **PENGURUSAN PROFIL** dan pilih **KEMASKINI KATA LALUAN**.

[*Sekiranya terlupa kata laluan, sila hubungi staf KOSPERA dan mohon untuk reset semula kata laluan*].




# E LOG KELUAR

**LANGKAH 1**

Klik **PENGURUSAN PROFIL** dan pilih **LOG KELUAR**.




KOSPERA
كوڤراسي سوروهنجاي ڤنچڬهن رسواه مليسيا برحد
Ayer
Mineral
Semulajadi
GUARANTEED
100% NATURAL
GUARANTEED
AIR MINERAL SEMULAJADI
Ayer
KOSPERA
AIR MINERAL SEMULAJADI
Ayer
KOSPERA
Rasai
kesegarannya..
BUATAN MALAYSIA
MALAYSIA
حلال
HALAL
Diluluskan oleh KKM
No. Kelulusan : KKM 163(24/N/9)
UNTUK
TEMPAHAN!
HUBUNGI
03-88911911


PERLUKAN
PINJAMAN?
Kami sedia
membantu anda
PEMBIAYAAN
BAI' AT -TAWARRUQ
RM5,000 - RM10,000
TEMPOH : 3 - 7 TAHUN
Kadar keuntungan serendah 3.5% bagi bayaran balik pembiayaan dalam tempoh 2 tahun bergantung kepada terma dan syarat
Pembiayaan dibuka kepada semua anggota KOSPERA yang sah berdaftar
Potongan gaji melalui Biro ANGKASA tidak melebihi dari 60%
UNTUK PERTANYAAN LANJUT
• Cik Faten - 0133225903
• Pejabat KOSPERA - 0388911911
"Dari Anda Untuk Anda"
KOSPERA
كوڤراسي سوروهنجاي ڤنچڬهن رسواه مليسيا برحد
kospera@sprm.gov.my
www.kospera.coop.my

# AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERWAKILAN BIL.1

| | | | |
|---|---|---|---|
| 10.00 pg | - | | Ucapan Aluan |
| | 1 | | Mesyuarat dimulakan dengan melantik; |
| | | (a) | Seorang Pengerusi Mesyuarat Agung; dan |
| | | (b) | Pencatat Minit Mesyuarat Agung; |
| | 2 | | Menyemak dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-5; |
| | 3 | | Membentang, menimbang dan meluluskan; |
| | | (a) | Pindaan di dalam Undang-Undang Kecil (UUK); |
| | | (b) | Laporan Berkanun Tahunan Lembaga; |
| | | (c) | Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman; |
| | | (d) | Akaun-akaun Teraudit Kospera Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Dis 2023; |
| | | (e) | Anggaran belanjawan tahun 2025; |
| | 4 | | Memilih dan melantik; |
| | | (a) | Lima (5) Ahli Lembaga baharu mengikut Undang-Undang Kecil 37 Kospera; |
| | | (b) | Enam (6) orang dari perwakilan yang hadir serta Empat (4) orang dari kalangan Ahli Lembaga sebagai Ahli Jawatankuasa untuk menentusahkan Deraf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan Bil. 1; |
| | 5 | | Meluluskan pelantikan Juruaudit Luar yang akan mengendalikan audit bagi penggal akaun berakhir 31 Dis 2024; |
| | 6 | | Menimbang dan melulus kuasa Lembaga untuk had keterhutangan; |
| | 7 | | Menimbang dan melulus skop dan had pelaburan; |
| | 8 | | Membentang, menimbang dan meluluskan; |
| | | (a) | Usul dan cadangan dari Ahli Lembaga; dan |
| | | (b) | Apa-apa usul atau notis atau urusan lain yang dibangkitkan oleh Perwakilan yang dihantar kepada Kospera sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat agung; dan |
| | 9 | | Hal-hal lain. |

# LAPORAN BERKANUN LEMBAGA

No. Pendaftaran :-W-6-1184

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

**LAPORAN BERKANUN LEMBAGA**
**MENGIKUT SEKSYEN 59 (3) AKTA KOPERASI, 1993**

Kami bagi pihak Lembaga Koperasi dengan ini membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.

**AKTIVITI UTAMA**

Aktiviti utama Koperasi adalah menjalankan kegiatan menjual peralatan keperluan kepada anggota-anggotanya dan mendapat komisen daripada perkhidmatan ' vending machine ' dan komisen jualan konsainan.

**KEPUTUSAN KEWANGAN**

| | 2023<br>RM |
|---|---|
| Keuntungan bersih bagi tahun semasa | 26,382.16 |

**RIZAB DAN PERUNTUKAN**

Tidak ada sebarang pindahan material kepada ataupun daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan selain daripada yang dinyatakan di dalam penyata kewangan.

**DIVIDEN**

Sehingga tahun berakhir 31 Disember 2023, koperasi tidak bercadang untuk memberi sebarang peruntukan ke atas perkara-perkara seperti dividen, honorarium, dan lain-lain peruntukan ke atas mana-mana peruntukan kumpulan atau tabung wang.

**LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN**

Sebelum penyata kewangan Koperasi disediakan, pihak Lembaga telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya:

(i) Kesemua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskira dan peruntukan yang sewajarnya telah dibuat bagi hutang ragu; dan

(ii) Memastikan nilai buku bagi aset semasa yang berkemungkinan tidak menunjukkan nilai sebenar berdasarkan urus niaga biasa, telah dibuat pengurangan nilai yang dijangkakan wajar.

Pada tarikh laporan ini, Anggota Lembaga tidak mengetahui sebarang keadaan:

(i) yang boleh menyebabkan jumlah penghapuskiraan hutang lapuk atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu dalam penyata Koperasi tidak mencukupi sehingga jumlah yang ketara; atau

(ii) yang boleh menyebabkan nilai aset-aset semasa dalam Koperasi mengelirukan; atau

# LAPORAN BERKANUN LEMBAGA (SAMBUNGAN)

**LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN (SAMB.)**

Pada tarikh laporan ini, Anggota Lembaga tidak mengetahui sebarang keadaan (Samb.):

(iii) yang timbul dan menyebabkan kaedah penilaian aset dan tanggungjawab Koperasi mengelirukan atau tidak sesuai; atau

(iv) selain daripada yang telah dinyatakan dalam laporan atau penyata kewangan ini, yang boleh menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan dalam akaun penyata kewangan Koperasi mengelirukan.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

(i) sebarang cagaran ke atas aset-aset Koperasi yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan ini yang menjadi sandaran terhadap tanggungan pihak lain; atau

(ii) sebarang tanggungan luar jangka bagi Koperasi yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.

Tiada liabiliti luar jangka atau lain-lain liabiliti yang telah dikuatkuasakan atau berkemungkinan untuk dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan atau mungkin akan menjejaskan keupayaan Koperasi untuk menepati segala kewajipan apabila tiba masa untuk menunaikannya kelak.

Kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi, mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas, tiada lain-lain perkara yang di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Seksyen 59 (3), Akta Koperasi, 1993.

.....................................................................

**DATO' SRI SHAMSHUN BAHARIN BIN MOHD JAMIL**
**PENGERUSI**

.....................................................................

**MEGAT NOR ESHAM BIN MEGAT MOHD SALLEH**
**SETIAUSAHA**

.....................................................................

**EFFEZUL AZRAN BIN ABD MAULOP**

**BENDAHARI**

Putrajaya, Malaysia

Tarikh : 18 OCT 2024

# LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAM

**LAPORAN TAHUNAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN**
**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BAGI TAHUN 2023**

Laporan Tahunan ini disediakan mengikut kuasa yang diberi dibawah Seksyen 49 Akta Koperasi 1993.

2. Laporan yang dibuat oleh kami pada keseluruhannya yang berhubung secara langsung atau tidak langsung dengan koperasi termasuk buku-buku akaun, resit-resit serta semua transaksi akaun yang tersusun walaupun terdapat sedikit perkara perlu diperbetulkan dan dikemaskini.

3. Kami telah mengaudit kedai milik Koperasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan mendapati pada keseluruhannya diurus secara baik dan teratur.

4. Selaras dengan kehendak dan peraturan dibawah Akta Koperasi 1993 dan Undang-undang Kecil Koperasi segala urusan dan pengurusan pihak koperasi pada keseluruhannya didapati telah dilaksanakan dan diurus dengan baik.

5. Kami sebagai Ahli Jawatankuasa Audit Dalaman mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak pengurusan koperasi khasnya Kakitangan Koperasi dan Ahli Lembaga Koperasi yang telah memberi kerjasama baik.

**(MOHD NAZALI BIN MD JIDIN)**

**KETUA AUDIT DALAM**

**(HARUSSANI BIN HAMZAH)**
**AHLI AUDIT DALAM**

**(MUHAMMAD FAIZ BIN RAHMAT)**
**AHLI AUDIT DALAM**

# LAPORAN JURUAUDIT LUAR

JSA
Chartered Accountants
Wisma JS, No 24, Jalan Seroja 7, Taman Seroja, Bandar Baru Salak Tinggi,
43900 Sepang, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
Tel : +603-8706 1111 Email : jsassociates.admn@gmail.com

A Member Firm of
MALAYSIAN INSTITUTE
OF ACCOUNTANTS (AF 1455)

No. Pendaftaran :-W-6-1184

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

**LAPORAN JURUAUDIT**

Kepada
Ahli-Ahli KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD

**Laporan Ke atas Penyata Kewangan**

*Pendapat*

Kami telah mengaudit penyata kewangan KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023, Akaun Pembahagian Keuntungan, Penyata Pendapatan Komprehensif dan Penyata Aliran Tunai bagi tempoh berakhir pada tarikh tersebut, serta polisi-polisi perakaunan penting dan nota-nota penerangan yang lain, yang dikemukakan pada muka surat 9 hingga 26.

Pada pendapat kami, penyata kewangan memberi pandangan yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Koperasi pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tempoh berakhir tersebut selaras dengan Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia ("MPERS") dan Akta Koperasi 1993 di Malaysia.

*Asas bagi Pendapat*

Kami telah menjalankan audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa ("ISA"). Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut adalah dihuraikan lebih lanjut dalam bahagian Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan di dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti-bukti audit yang diperolehi adalah mencukupi dan sesuai bagi memberi asas untuk menyatakan pendapat kami.

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Kami bebas daripada Koperasi ini mengikut Undang-Undang Kecil (Etika Profesional, Perlakuan, dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Kod Etika Antarabangsa bagi Akauntan Profesional oleh Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika yang lain mengikut Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA.

*Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit yang Berkaitan*

Anggota Lembaga Koperasi adalah bertanggungjawab ke atas maklumat lain. Maklumat lain terdiri daripada Laporan Berkanun Lembaga, tetapi tidak termasuk penyata kewangan Koperasi dan Laporan Juruaudit.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Koperasi tidak meliputi Laporan Berkanun Lembaga dan kami tidak memberi sebarang bentuk jaminan mengenainya.

# LAPORAN JURUAUDIT LUAR

JSA
Chartered Accountants
Wisma JS, No 24, Jalan Seroja 7, Taman Seroja, Bandar Baru Salak Tinggi, 43900 Sepang, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
Tel : +603-8706 1111 Email : jsassociates.admin@gmail.com

A Member Firm of
MALAYSIAN INSTITUTE
OF ACCOUNTANTS (AF 1465)

No. Pendaftaran :-W-6-1184
Samb.

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

**LAPORAN JURUAUDIT (SAMB.)**

*Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit yang Berkaitan*

Sehubungan dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Koperasi, kami bertanggungjawab untuk membaca Laporan Berkanun Lembaga dan mempertimbangkan sama ada laporan tersebut tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Koperasi atau dengan pengetahuan kami yang diperolehi ketika audit atau sebaliknya tersalah nyata secara ketara.

Jika, berdasarkan kerja yang telah kami lakukan, kami membuat kesimpulan bahawa jika terdapat salah nyata yang ketara dalam Laporan Berkanun Lembaga, kami dikehendaki melaporkan hakikat itu. Kami tidak menemui apa-apa untuk dilaporkan mengenai hal ini.

*Tanggungjawab Para Lembaga Ke Atas Penyata Kewangan*

Penyediaan dan pembentangan saksama penyata kewangan tersebut adalah tanggungjawab Anggota Lembaga selaras dengan Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia dan Akta Koperasi 1993 di Malaysia. Anggota Lembaga juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman memandangkan keputusan Anggota Lembaga adalah perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Koperasi yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam menyediakan penyata kewangan Koperasi, Anggota Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Koperasi untuk terus beroperasi secara berterusan, mendedahkan, sekiranya yang berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan usaha berterusan bagi asas perakaunan melainkan jika Anggota Lembaga sama ada berhasrat untuk membubarkan Koperasi atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi perlu berbuat demikian.

*Tanggungjawab Juruaudit*

Matlamat kami adalah untuk mendapatkan keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Koperasi secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada akibat penipuan atau kesilapan dan untuk mengeluarkan laporan juruaudit yang mengandungi pendapat kami. Keyakinan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi tetapi tidak menjamin bahawa kerja audit yang dilaksanakan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh berlaku hasil daripada penipuan atau kesilapan dan dikira ketara jika, secara berasingan atau secara terkumpul, ianya secara munasabah dijangka akan memberikan kesan kepada keputusan ekonomi yang dilakukan pengguna yang diambil berdasarkan maklumat penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang proses pengauditan. Kami juga:

# LAPORAN JURUAUDIT LUAR

JSA

Chartered Accountants

Wisma JS, No 24, Jalan Seroja 7, Taman Seroja, Bandar Baru Salak Tinggi,
43900 Sepang, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
Tel : +603-8706 1111 Email : jsassociates.admn@gmail.com

A Member Firm of
MALAYSIAN INSTITUTE
OF ACCOUNTANTS (AF 1455)

No. Pendaftaran :-W-6-1184

Samb.

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

**LAPORAN JURUAUDIT (SAMB.)**

*Tanggungjawab Juruaudit (Samb.)*

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Koperasi, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, membuat dan melaksanakan prosedur audit bertindak balas kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, pengabaian yang disengaja, gambaran yang salah, atau melanggar kawalan dalaman.

- Memahami kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi mencipta prosedur audit yang sewajarnya dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Koperasi.

- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Anggota Lembaga Koperasi.

- Menyimpulkan tentang kewajaran asas usaha berterusan perakaunan yang digunakan oleh Anggota Lembaga, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, adalah ketidakpastian wujud berkenaan dengan peristiwa atau keadaan yang berkemungkinan boleh menimbulkan keraguan yang besar ke atas keupayaan Koperasi untuk sentiasa berterusan. Jika kami menyimpulkan bahawa terdapat ketidakpastian yang ketara wujud, kami adalah dikehendaki untuk melaporkan dalam laporan juruaudit dan di dalam nota-nota yang berkaitan dalam penyata kewangan Koperasi atau, jika nota-nota tersebut tidak mencukupi, perlulah mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti-bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh laporan audit dikeluarkan. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan mungkin akan menyebabkan Koperasi tidak berupaya meneruskan operasi berterusan.

- Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan isi kandungan penyata kewangan Koperasi, termasuk nota-nota, dan sama ada penyata kewangan menunjukkan transaksi dan peristiwa yang berlaku dengan cara menunjukkan pembentangan yang saksama.

Kami berkomunikasi dengan Anggota Lembaga berkenaan, antara yang lain, skop dan masa pengauditan yang dirancang dan kelemahan yang ketara dalam kawalan dalaman yang telah kami kenalpasti semasa pengauditan.

# LAPORAN JURUAUDIT LUAR

**JSA**
Chartered Accountants
Wisma JS, No 24, Jalan Seroja 7, Taman Seroja, Bandar Baru Salak Tinggi,
43900 Sepang, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
Tel : +603-8706 1111 Email : jsassociates.admin@gmail.com

A Member Firm of
MALAYSIAN INSTITUTE
OF ACCOUNTANTS (AF 1455)

No. Pendaftaran :-W-6-1184
Samb.

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

**LAPORAN JURUAUDIT (SAMB.)**

*Lain-Lain Perkara*

Laporan ini dibuat hanya untuk ahli-ahli Koperasi, sebagai satu badan, selaras dengan Seksyen 63 Akta Koperasi 1993, di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak akan mengambil tanggungjawab terhadap pihak-pihak lain bagi kandungan laporan ini.

**JS ASSOCIATES**
**(No : AF 1455)**
**Akauntan Bertauliah**

**DR. JAMALUDIN BIN SHAHIDAN**
**No. Juruaudit : SKM(B)/0419**
**Akauntan Bertauliah**

Tarikh : 18 OCT 2024

Selangor, Malaysia

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2023**

| | NOTA | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|---|
| **ASET BUKAN SEMASA** | | | |
| **HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN** | | | |
| Aset-aset lain | 3 | 833.21 | 1,333.37 |
| Komputer | | 1.00 | 1.00 |
| Ubahsuai kedai dalam proses | | 320,000.00 | 20,000.00 |
| Perabot dan Kelengkapan | | 17,800.00 | - |
| | | 338,634.21 | 21,334.37 |
| Pelaburan dalam syer tak siar harga | 4 | 10,000.00 | 10,000.00 |
| | | 348,634.21 | 31,334.37 |
| **ASET SEMASA** | | | |
| Inventori | 5 | 8,587.38 | 10,385.52 |
| Pinjaman anggota | 6 | 9,900.00 | 21,150.00 |
| Deposit | | 3,000.00 | 3,000.00 |
| Wang di bank dan tangan | 7 | 1,455,901.61 | 1,537,545.16 |
| | | 1,477,388.99 | 1,572,080.68 |
| **JUMLAH ASET** | | 1,826,023.20 | 1,603,415.05 |
| **DIBIAYAI OLEH:** | | | |
| **MODAL** | | | |
| Modal Syer Anggota | 8 | 74,200.00 | 64,500.00 |
| Modal Yuran Anggota | 9 | 677,010.00 | 469,935.00 |
| Lain-lain tabung Am | 10 | 1,050,140.79 | 1,082,533.00 |
| Kerugian terkumpul | | (93,624.73) | (116,577.21) |
| **KUMPULAN WANG ANGGOTA** | | 1,707,726.06 | 1,500,390.79 |
| Kumpulan Wang Rizab Statutori | 11 | 4,397.14 | 967.46 |
| Geran Bantuan SKM | 12 | 90,000.00 | 90,000.00 |
| | | 94,397.14 | 90,967.46 |
| | | 1,802,123.20 | 1,591,358.25 |
| **LIABILITI SEMASA** | | | |
| Pelbagai pemiutang dan akruan | 13 | 23,900.00 | 12,056.80 |
| Jumlah liabiliti semasa | | 23,900.00 | 12,056.80 |
| **JUMLAH LIABILITI** | | 23,900.00 | 12,056.80 |
| **JUMLAH MODAL DAN LIABILITI DAN KUMPULAN WANG ANGGOTA** | | 1,826,023.20 | 1,603,415.05 |

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini)

# LAPORAN JURUAUDIT LUAR

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

**AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

| | NOTA | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|---|
| Keuntungan / (Kerugian) bersih tahun ini | | 26,382.16 | (14,460.35) |
| Tolak: Pelarasan operasi | | - | - |
| Keuntungan / (Kerugian) bersih selepas pelarasan operasi | | 26,382.16 | (14,460.35) |
| Kerugian terkumpul pada awal tahun | | (116,577.21) | (102,116.86) |
| Kerugian bersih selepas kerugian terkumpul | | (90,195.05) | (116,577.21) |
| **Tolak: Pembahagian berkanun** | | | |
| Kumpulan wang rizab statutori (13%) | | (3,429.68) | - |
| | | (3,429.68) | - |
| Kerugian selepas pembahagian berkanun | | (93,624.73) | (116,577.21) |

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini)

# LAPORAN JURUAUDIT LUAR

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

| | NOTA | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|---|
| PENDAPATAN | | | |
| Kedai | 14 | 88,871.70 | 79,211.80 |
| Top-up E-Payment | 15 | 25,561.50 | 25,854.00 |
| Sewaan | 16 | 21,600.00 | 21,600.00 |
| | | 136,033.20 | 126,665.80 |
| Lain-Lain Pendapatan | | | |
| Pendapatan Am | 17 | 77,882.02 | 35,513.27 |
| JUMLAH PENDAPATAN | | 213,915.22 | 162,179.07 |
| TOLAK : PERBELANJAAN | | | |
| **Kos aktiviti** | | | |
| Kedai | 14 | 68,200.84 | 63,392.04 |
| Top-up E-payment | 15 | 25,270.75 | 25,494.25 |
| Sewaan | 16 | 12,000.00 | 12,000.00 |
| | | 105,471.59 | 100,886.29 |
| **PERBELANJAAN AM** | | | |
| Alat tulis dan percetakan | | 454.80 | 6,901.90 |
| Belanja am | | 972.00 | 1,354.10 |
| Belanja Mesyuarat Agong | | 5,713.00 | 1,260.00 |
| Belanja mesyuarat | | 961.00 | 1,444.60 |
| Caj bank | | 12.50 | 1.50 |
| Caj perkhidmatan SPBA | | - | 100.00 |
| Denda dan penalti | | - | 30.00 |
| Duit setem | | 300.00 | 245.00 |
| Fi juruaudit luar | | 3,500.00 | 2,800.00 |
| Fi Konsultan | | 6,400.00 | - |
| Gaji dan perbelanjaan kaki tangan | 18 | 56,374.27 | 57,468.33 |
| Jamuan | | 700.00 | - |
| Komisen Angkasa | | 1,555.74 | 1,355.25 |
| Lesen perniagaan | | 168.00 | 168.00 |
| Perjalanan dan pengangkutan | | - | 50.00 |
| Perbelanjaan stor simpanan | | - | 100.00 |
| Perbelanjaan SST | | - | 208.80 |
| Susutnilai Harta Tanah, Loji dan peralatan | 19 | 4,950.16 | 2,265.65 |
| | | 82,061.47 | 75,753.13 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | | 187,533.06 | 176,639.42 |
| Keuntungan / (Kerugian) tahun semasa | | 26,382.16 | (14,460.35) |

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

**PENYATA ALIRAN TUNAI**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

| | NOTA | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI** | | | |
| (Kerugian) / Keuntungan Sebelum Pembahagian Berkanun dan Bercukai | | 26,382.16 | (14,460.35) |
| Pelarasan Untuk : | | | |
| Susut nilai Hartanah, Loji dan Peralatan | | 4,950.16 | 2,265.65 |
| Kerugian Daripada Operasi sebelum Perubahan Modal Kerja | | 31,332.32 | (12,194.70) |
| Perubahan pada modal kerja: | | | |
| Tambahan Inventori | | 1,798.14 | (826.36) |
| Tambahan Penghutang Perdagangan dan Pelbagai Penghutang | | 11,250.00 | (1,300.00) |
| Kurangan pelbagai pemiutang dan akruan | | 11,843.20 | (8,524.40) |
| Tunai Diperoleh / (Digunakan) Daripada Aktiviti koperasi | | 56,223.66 | (22,845.46) |
| **ALIRAN TUNAI UNTUK BAYARAN BERKANUN DAN AGIHAN** | | | |
| Lain-lain Tabung anggota | | (32,392.21) | 7,192.00 |
| Aliran tunai bersih dihasilkan daripada bayaran berkanun dan agihan | | 23,831.45 | 7,912.00 |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN** | | | |
| Belian Hartanah, Loji dan Peralatan | | - | (719.00) |
| Ubahsuai kedai dalam proses | | (322,250.00) | (20,000.00) |
| Tunai Bersih Diperoleh / (Digunakan) Dalam Aktiviti Pelaburan | | (322,250.00) | (20,719.00) |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN** | | | |
| Terimaan Modal Syer anggota | | 9,700.00 | 15,850.00 |
| Terimaan Modal yuran anggota | | 207,075.00 | 167,195.00 |
| Terimaan geran bantuan SKM | | - | 90,000.00 |
| Aliran tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti pembiayaan | | 216,775.00 | 273,045.00 |
| Lebihan Bersih Dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai | | (81,643.55) | 236,672.54 |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun | | 1,537,545.16 | 1,300,872.62 |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun | 7 | 1,455,901.61 | 1,537,545.16 |

(Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini)

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi,1993)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2023**

NOTA 1 : **MAKLUMAT UMUM**

Kegiatan utama Koperasi adalah menjual peralatan keperluan kepada anggota-anggotanya dan mendapat komisen daripada perkhidmatan `vending machine ' dan komisen jualan konsainan.

Alamat pejabat berdaftar Koperasi dan alamat operasi utama adalah di Aras 7 ,Blok C, Ibu Pejabat Sprm No.2, Lebuh Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya.

NOTA 2 : **RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN**

a) Asas-Asas Perakaunan

i) Penyata kewangan telah disediakan mengikut kelaziman kos asal dengan andaian bahawa kegiatan Koperasi adalah berterusan dan mematuhi kehendak Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS).

ii) Penyata kewangan Koperasi yang disediakan telah disesuaikan untuk mematuhi Akta Koperasi, 1993 dan peraturan-peraturan yang diperbuat di bawahnya, Garis Panduan dan Undang-undang Kecil Koperasi.

iii) Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") yang merupakan mata wang fungsian bagi persembahan penyata kewangan Koperasi.

b) Hartanah, Loji Dan Peralatan

i) Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada harga kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul. Susut nilai tidak diperuntukkan atas tanah pegangan bebas. Susut nilai hartanah, loji dan peralatan dikira mengikut kaedah garis lurus atas tempoh penggunaan aset berkenaan.

Kadar susut nilai tahunan adalah:

| | |
|---|---|
| Komputer | 20% |
| Aset-aset lain | 20% |
| Perabot dan Kelengkapan | 20% |

ii) Apabila aset tetap dijual, keuntungan atau kerugian hasil dari penjualan tersebut ditentukan dengan membandingkan harga jualan dengan nilai dibawa. Keuntungan atau kerugian hasil dari penjualan hartanah akan dikreditkan atau dicajkan ke akaun rizab modal manakala keuntungan atau kerugian dari penjualan aset-aset lain akan dikreditkan atau dicajkan ke penyata pendapatan.

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH**
**MALAYSIA BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi,1993)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2023**

NOTA 2 : **DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)**

c) Kemerosotan Nilai Bawaan Aset

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Koperasi menyemak nilai bawaan aset selain daripada inventori bagi menentukan sama ada terdapatnya petunjuk bahawa nilai aset mungkin merosot. Sekiranya wujud petunjuk tersebut, kemerosotan nilai aset akan diukur semula dengan membandingkan nilai bawaan aset dengan nilai yang boleh diperolehi semula. Nilai boleh diterima adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai jualan aset atau nilai digunakan, di mana ianya dikira berdasarkan aliran tunai masa hadapan didiskaunkan. Nilai boleh diterima dianggap bagi setiap aset atau, jika tidak boleh, bagi unit penghasilan tunai.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan dengan serta-merta kecuali aset tersebut dinyatakan pada nilai penilaian. Sebarang kerugian rosotnilai dianggap sebagai kurangan penilaian hingga ke tahap lebihan penilaian yang diiktiraf terdahulu bagi aset tersebut.

Mana-mana pembalikan susulan bagi kerugian kemerosotan aset kewangan akan dibalikkan dalam penyata pendapatan dengan pelarasan kepada akaun peruntukan kerugian, tertakluk kepada had pembalikan yang tidak boleh menyebabkan jumlah bawaan yang disemak semula bagi aset kewangan melebihi jumlah yang ditentukan sekiranya tidak mempunyai kerugian kemerosotan yang diiktiraf sebelum ini.

Pembalikan diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan dengan serta merta kecuali aset tersebut dinyatakan pada nilai penilaian. Jika kerugian rosot nilai pada aset tersebut telah diiktiraf sebagai belanja dalam penyata pendapatan sebelum ini, pembalikan itu diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan sehingga tahap yang diiktiraf sebagai belanja sebelum ini.

d) Fi Masuk

Fi masuk dikreditkan ke Akaun Untung Rugi sebagai pendapatan am Koperasi.

e) Pelaburan Saham

Pelaburan di dalam syer-syer tak siar harga dinyatakan pada kos setelah ditolak peruntukan rosot nilai.

Peruntukan rosot nilai akan dibuat untuk pelaburan yang dijangka akan mengalami kejatuhan berkekalan dalam nilainya.

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2023**

NOTA 2 : **DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)**

f) Pelaburan Lain

Pelaburan jangka panjang dinyatakan pada kos kecuali terdapat kemerosotan nilai kekal di dalam nilai pelaburan, di mana peruntukan akan dibuat bagi kemerosotan nilai. Kemerosotan nilai pelaburan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun kewangan bilamana kemerosotan tersebut dikenalpasti.

g) Usahasama

Usahasama merupakan perjanjian berkontrak dengan pihak ketiga untuk menjalankan sesuatu projek. Kepentingan di dalam usahasama direkod berdasarkan perjanjian usahasama dan Koperasi mengiktiraf bahagian keuntungan berdasarkan perjanjian usahasama.

h) Pinjaman Anggota

Pinjaman anggota dinyatakan pada amaun yang dijangka akan direalisasi. Hutang lapuk yang dikenalpasti dilupuskan di dalam tahun hutang lapuk berkenaan dikenalpasti.

i) Inventori

Inventori dinyatakan pada kos atau harga pasaran yang mana lebih rendah. Ditentukan dengan menggunakan kaedah masuk dulu keluar dulu.

j) Penghutang Perdagangan dan Pelbagai

Penghutang perdagangan dan pelbagai dinyatakan pada kos ditolak peruntukan jangkaan nilai boleh terima. Hutang lapuk dihapuskira apabila telah dikenalpasti. Anggaran dibuat bagi hutang ragu berdasarkan semakan ke atas jumlah tertunggak pada akhir kewangan.

k) Pemiutang Perdagangan dan Pelbagai

Pemiutang perdagangan dan pelbagai dinyatakan pada kos di mana ia adalah nilai saksama pertimbangan yang akan dibayar pada masa hadapan bagi barang dan perkhidmatan yang diterima.

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2023**

NOTA 2: **DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)**

l) Peruntukan bagi Liabiliti

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila Koperasi mempunyai obligasi semasa akibat daripada peristiwa yang lepas dan berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang merangkumi faedah ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi, dan anggaran munasabah mengenai jumlah boleh dibuat. Peruntukan disemak pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menunjukkan anggaran semasa terbaik. Sekiranya kesan daripada nilai wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai semasa perbelanjaan dijangka untuk diperlukan bagi menyelesaikan obligasi.

m) Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan atas keuntungan atau kerugian bagi tahun semasa terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa mewakili cukai pendapatan yang dijangka akan dikenakan ke atas keuntungan tahun semasa yang boleh dicukai dan dikira pada kadar cukai yang berkuatkuasa pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Cukai tertunda diperuntukkan mengikut kaedah liabiliti atas perbezaan sementara di antara asas cukai dan nilai dibawa aset dan liabiliti pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Mengikut prinsip, liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara yang boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan potongan, sementara kerugian perniagaan belum diserap dan elaun modal belum diguna setakat mana keuntungan dicukai boleh untuk digunakan atas perbezaan potongan sementara, kerugian perniagaan belum diserap dan elaun modal belum diguna.

Cukai tertunda dikira pada asas kadar cukai yang dijangkakan akan digunakan dalam tempoh di mana aset direalisasikan dan liabiliti diselesaikan berdasarkan kadar cukai yang berkuatkuasa pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Cukai tertunda diiktiraf dalam akaun untung rugi kecuali, jika ia timbul dari urus niaga yang diiktiraf secara langsung kepada ekuiti, di mana cukai tertunda juga dikenakan atau dikreditkan secara langsung kepada ekuiti, atau jika ia timbul dari kombinasi perniagaan secara pengambilalihan, cukai tertunda itu diambilkira dalam pengiraan muhibbah atau muhibbah negatif.

n) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai termasuk deposit tetap, wang di bank dan di tangan yang mempunyai kecairan yang tinggi dan risiko perubahaan dalam nilai yang rendah.

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH**
**MALAYSIA BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2023**

NOTA 2 : **DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)**

o) Pengiktirafan Pendapatan

Hasil diiktiraf apabila berkemungkinan bahawa faedah ekonomi berkaitan dengan urus niaga akan mangalir masuk kepada Koperasi dan jumlah hasil boleh dikira secara munasabah.

i. Perkhidmatan
Pendapatan dari perkhidmatan diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan dalam tahun semasa.

ii. Dividen
Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerimanya telah ditentukan.

iii. Pendapatan sewa dan komisen
Pendapatan sewa dan komisen diiktiraf secara akruan melainkan kemungkinan untuk diperolehi dimansuhkan.

iv. Keuntungan
Pendapatan keuntungan dikenalpasti atas dasar akruan.

p) Instrumen-instrumen Kewangan

Instrumen kewangan yang ditujukan di penyata kedudukan kewangan merangkumi tunai dan baki bank, pelaburan, penghutang, pemiutang dan pinjaman. Kaedah pengiktirafan khusus yang diterimapakai, akan dibentangkan dalam penyata polisi perakaunan individu yang berkaitan dengan setiap item yang berkenaan.

Aset kewangan adalah sebarang aset berbentuk tunai, mempunyai hak bersifat kontrak untuk menerima tunai dan lain-lain aset kewangan daripada sebuah syarikat lain; yang mempunyai hak bersifat kontrak untuk bertukar aset kewangan dengan syarikat lain di bawah syarat yang berpotensi menguntungkan; atau sebuah instrumen ekuiti daripada syarikat lain.

Liabiliti kewangan adalah sebarang liabiliti yang mempunyai hak bersifat kontrak untuk memberi tunai atau lain-lain aset kewangan kepada syarikat lain di bawah syarat yang berpotensi merugikan.

Instrumen kewangan yang diterbitkan oleh Koperasi diklasifikasikan sebagai liabiliti atau ekuiti berdasarkan perkara dalam susunan bersifat kontrak. Faedah, dividen, laba dan kerugian berkenaan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai liabiliti adalah dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Pengagihan kepada pemegang instrumen yang diklasifikasikan sebagai ekuiti akan dicajkan terus ke ekuiti. Instrumen kewangan akan diofsetkan apabila Koperasi mempunyai hak penguatkuasa yang sah untuk mengofsetkan amaun yang telah diiktiraf, dan bertujuan untuk menyelesaikan pada asas bersih, atau untuk merealisasikan aset dan melangsaikan liabiliti dengan serentak.

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2023**

NOTA 2 : **DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)**

q) Manfaat Pekerja

Manfaat jangka pendek

Gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun bila perkhidmatan berkaitan diberi oleh kakitangan. Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan dibayar dan diiktiraf apabila perkhidmatan diberi oleh kakitangan yang menambah kelayakan mereka untuk mendapatkan pampasan ketidakhadiran pada masa hadapan, manakala pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran tersebut berlaku.

Pelan caruman wajib

Koperasi dikehendaki membuat caruman kepada skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Caruman ini akan diiktiraf sebagai belanja di akaun untung rugi secara akruan.

NOTA 3 : **HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN**

**2023**

| **KOS** | **Baki Pada 01/01/2023 RM** | **Penambahan RM** | **Pelupusan RM** | **Baki Pada 31/12/2023 RM** |
|---|---|---|---|---|
| **Hartanah, Loji dan Peralatan** | | | | |
| Aset-aset lain | 9,903.40 | - | - | 9,903.40 |
| Komputer | 2,049.00 | - | - | 2,049.00 |
| Ubahsuai kedai dalam proses | 20,000.00 | 300,000.00 | - | 320,000.00 |
| Perabot dan Kelengkapan | - | 22,250.00 | - | 22,250.00 |
| | 31,952.40 | 322,250.00 | - | 354,202.40 |

| **SUSUT NILAI TERKUMPUL** | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **Hartanah, Loji dan Peralatan** | | | | |
| Aset-aset lain | 8,570.03 | 500.16 | - | 9,070.19 |
| Komputer | 2,048.00 | - | - | 2,048.00 |
| Ubahsuai kedai dalam proses | - | - | - | - |
| Perabot dan Kelengkapan | - | 4,450.00 | - | 4,450.00 |
| | 10,618.03 | 4,950.16 | - | 15,568.19 |

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2023**

NOTA 3 : **HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)**

**2022**

| **KOS** | Baki Pada 01/01/2022 RM | Penambahan RM | Pelupusan/ Hapus Kira RM | Baki Pada 31/12/2022 RM |
|---|---|---|---|---|
| **Hartanah, Loji dan Peralatan** | | | | |
| Komputer | 2,049.00 | - | - | 2,049.00 |
| Aset-aset lain | 9,184.40 | 719.00 | - | 9,903.40 |
| Ubahsuai kedai dalam proses | - | 20,000.00 | - | 20,000.00 |
| | 11,233.40 | 20,719.00 | - | 31,952.40 |

| **SUSUT NILAI TERKUMPUL** | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Komputer | 1,639.20 | 408.80 | - | 2,048.00 |
| Aset-aset lain | 6,713.18 | 1,856.85 | - | 8,570.03 |
| Ubahsuai kedai dalam proses | - | - | - | - |
| | 8,352.38 | 2,265.65 | - | 10,618.03 |

**NILAI BUKU BERSIH**

| | Kos Pada 31/12/2023 RM | Susut/Rosot Nilai Terkumpul 31/12/2023 RM | Nilai Buku Bersih Pada 31/12/2023 RM | Nilai Buku Bersih Pada 31/12/2022 RM |
|---|---|---|---|---|
| Aset-aset lain | 9,903.40 | 9,070.19 | 833.21 | 1,333.37 |
| Komputer | 2,049.00 | 2,048.00 | 1.00 | 1.00 |
| Ubahsuai kedai dalam proses | 320,000.00 | - | 320,000.00 | 20,000.00 |
| Perabot dan Kelengkapan | 22,250.00 | 4,450.00 | 17,800.00 | - |
| | 354,202.40 | 15,568.19 | 338,634.21 | 21,334.37 |

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2023**

NOTA 4 : **PELABURAN SYER TAK SIAR HARGA**

| | Bilangan Unit | 2023 RM | Bilangan Unit | 2022 RM |
|---|---|---|---|---|
| Pada Harga Kos: | | | | |
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad | 10,0000 | 10,0000 | 10,0000 | 10,000 |

NOTA 5 : **INVENTORI**

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Nilai kos inventori barang siap: | | |
| Kedai | 5,808.03 | 9,335.42 |
| Top-up E-Payment | 2,779.35 | 1,050.10 |
| | 8,587.38 | 10,385.52 |

NOTA 6 : **PINJAMAN ANGGOTA**

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | 21,150.00 | 19,850.00 |
| Tambah: Pinjaman baru | 12,000.00 | 30,000.00 |
| | 33,150.00 | 49,850.00 |
| (Tolak) : Bayaran ansuran diterima | (23,250.00) | (28,700.00) |
| Baki pada 31 Disember | 9,900.00 | 21,150.00 |
| Bayaran Pinjaman Minimum | | |
| Tidak lebih daripada 1 tahun | 9,900.00 | 21,150 |

NOTA 7 : **WANG DI BANK DAN DI TANGAN**

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (1100947178) | 5,925.09 | 4,397.15 |
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (1101725271) | 949,667.82 | 1,533,148.01 |
| Wang di tangan | 308.70 | - |
| Deposit tetap ^ | 500,000.00 | - |
| | 1,455,901.61 | 1,537,545.16 |

^ Deposit Tetap ialah deposit di Bank Rakyat dengan kadar faedah 3.30%.

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2023**

NOTA 8 : **MODAL SYER ANGGOTA**

| | Bilangan Unit | 2023 RM | Bilangan Unit | 2022 RM |
|---|---|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | 498 | 64,500.00 | 361 | 48,650.00 |
| Tambahan: Tambahan dalam tahun | 94 | 9,800.00 | 138 | 15,950.00 |
| | 592 | 74,300.00 | 499 | 64,600.00 |
| Tolak: Berhenti dalam tahun | 1 | 100.00 | 1 | 100.00 |
| Baki pada 31 disember | 591 | 74,200.00 | 498 | 64,500.00 |

NOTA 9: **MODAL YURAN ANGGOTA**

| | Bilangan Unit | 2023 RM | Bilangan Unit | 2022 RM |
|---|---|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | 488 | 469,935.00 | 350 | 302,740.00 |
| Tambahan: Tambahan dalam tahun | 98 | 207,615.00 | 139 | 168,395.00 |
| | 586 | 677,550.00 | 489 | 471,135.00 |
| Tolak: Berhenti dalam tahun | 1 | 540.00 | 1 | 1,200.00 |
| Baki pada 31 disember | 585 | 677,010.00 | 488 | 469,935.00 |

NOTA 10 : **LAIN-LAIN TABUNG AM**

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | 1,082,533.00 | 1,075,341.00 |
| Tambahan: Sumbangan | 30,690.79 | 27,652.00 |
| | 1,113,223.79 | 1,102,993.00 |
| Tolak: Khairat kematian | 5,000 | 5,600.00 |
| Yuran Kelab | 9,912.00 | 2,860.00 |
| Yayasan Prihatin | 3,290.00 | 12,000.00 |
| Pelarasan | 44,881.00 | - |
| Baki pada 31 Disember | 1,050,140.79 | 1,082,533.00 |

NOTA 11 : **KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI**

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | 967.46 | 967.46 |
| Tambahan: Pindahan daripada Akaun pembahagian Keuntungan | 3,429.68 | - |
| Baki pada 31 disember | 4,397.14 | 967.46 |

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH**
**MALAYSIA BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2023**

NOTA 12 : **GERAN BANTUAN SKM**

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Nilai geran bantuan | 90,000.00 | 90,000.00 |
| Baki pada 1 Januari | 90,000.00 | 90,000.00 |
| Tambahan: Tambahan dalam tahun | 90,000.00 | 90,000.00 |
| Tolak: Pelunasan | - | - |
| Baki pada 31 Disember | 90,000.00 | 90,000.00 |

Geran Bantuan SKM telah diterima daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia berjumlah RM90,000 pada tahun 2022. Geran tersebut daripada Bantuan Program Transformasi Ekonomi Gerakan Koperasi (TRANSFER) bagi membiayai sebahagian kos pengubahsuaian kedai Kospera dan pelunasan geran akan direkodkan sebagai hasil pelunasan dalam pelbagai pendapatan sebanyak 20% setahun selepas ubahsuai kedai Kospera telah selesai.

NOTA 13 : **PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN**

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Fi audit luar | 3,500.00 | 6,656.80 |
| Deposit sewaan | 5,400.00 | 5,400.00 |
| Lain-lain pemiutang | 15,000.00 | - |
| | 23,900.00 | 12,056.80 |

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2023**

NOTA 14 : **KEDAI**

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | | |
| Jualan | 88,871.70 | 79,211.80 |
| **Jumlah pendapatan** | 88,871.70 | 79,211.80 |
| **Tolak: KOS JUALAN** | | |
| Inventori awal | 9,335.42 | 7,514.81 |
| Belian | 65,058.75 | 65,212.65 |
| Tolak: inventori akhir | (5,808.03) | (9,335.42) |
| Tolak: pulangan belian | (385.30) | - |
| **Jumlah perbelanjaan** | 68,200.84 | 63,392.04 |
| **Keuntungan bersih** | 20,670.86 | 15,819.76 |

NOTA 15 : **TOPUP E-PAYMENT**

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | | |
| Jualan | 25,561.50 | 25,854.00 |
| **Jumlah pendapatan** | 25,561.50 | 25,854.00 |
| **Tolak: KOS JUALAN** | | |
| Inventori awal | 1,050.10 | 2,044.35 |
| Belian | 27,000.00 | 24,500.00 |
| Tolak: inventori akhir | (2,779.35) | (1,050.10) |
| **Jumlah perbelanjaan** | 25,270.75 | 25,494.25 |
| **Keuntungan bersih** | 290.75 | 359.75 |

KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH
MALAYSIA BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2023**

NOTA 16: **SEWAAN**

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | | |
| Sewaan | 21,600.00 | 21,600.00 |
| **Jumlah pendapatan** | 21,600.00 | 21,600.00 |
| **Tolak: KOS JUALAN** | | |
| Sewaan | 12,000.00 | 12,000.00 |
| **Jumlah perbelanjaan** | 12,000.00 | 12,000.00 |
| **Keuntungan bersih** | 9,600.00 | 9,600.00 |

NOTA 17 : **PENDAPATAN AM**

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Hibah | 17,365.27 | 22,162.27 |
| Fi masuk | 1,800.00 | 1,500.00 |
| Komisen jualan konsainan | 9,575.75 | 8,251.00 |
| Komisen vending mesin | 1,800.00 | 2,400.00 |
| Caj pekhidmatan | 340.00 | 900.00 |
| Caj Perlindungan Pembiayaan | 120.00 | 300.00 |
| Sumbangan | 46,881.00 | - |
| | 77,882.02 | 35,513.27 |

NOTA 18 : **GAJI DAN PERBELANJAAN KAKITANGAN**

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Gaji | 44,800.00 | 45,760.00 |
| KWSP | 5,836.00 | 5,512.00 |
| PERKESO | 857.60 | 804.00 |
| Tuntutan kerja lebih masa | 4,880.67 | 5,392.33 |
| | 56,374.27 | 57,468.33 |

NOTA 19 : **SUSUTNILAI HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN**

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Aset-aset lain | 500.16 | 1,856.85 |
| Komputer | - | 408.80 |
| Perabot dan Kelengkapan | 4,450.00 | - |
| | 4,950.16 | 2,265.65 |

KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH
MALAYSIA BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2023**

NOTA 20: **POLISI RISIKO PENGURUSAN KEWANGAN**

Dasar pengurusan risiko kewangan Koperasi memastikan bahawa sumber kewangan yang mencukupi adalah tersedia untuk pembangunan perniagaan Koperasi di samping menguruskan risikonya. Koperasi beroperasi mengikut garis panduan yang tetap dan jelas yang telah diluluskan oleh Lembaga dan polisi Koperasi untuk tidak melibatkan sebarang urus niaga yang berasaskan spekulasi. Polisi-polisi di bawah adalah dilaksanakan untuk memberi kaedah-kaedah yang berkesan untuk mengurangkan risiko kewangan ke atas Koperasi.

a) Risiko kadar faedah

Pembiayaan dan simpanan tetap Koperasi terdedah kepada risiko kadar caj keuntungan. Objektif mempelbagaikan kadar caj keuntungan pembiayaan ialah untuk mengurangkan kesan kenaikan kadar caj keuntungan sementara membolehkan Koperasi memperoleh keuntungan daripada kejatuhan kadar pembiayaan.

b) Risiko kredit

Risiko kredit adalah potensi kerugian berpunca daripada kegagalan penghutang atau pihak berhubungan untuk memenuhi obligasi mereka. Koperasi telah mengamalkan polisi yang hanya berurusan dengan mereka yang mempunyai rekod yang baik serta mendapatkan cagaran yang mencukupi atau jaminan lain yang sesuai sebagai satu cara bagi mengurangkan risiko kerugian kewangan akibat dari kemungkinan pelanggaran.

c) Risiko pasaran

Risiko pasaran ialah potensi kerugian yang timbul bagi kedudukan Koperasi akibat daripada perubahan yang merugikan dalam paras harga pasaran. Risiko ini diawasi dengan meletakkan had pelaburan dalam syer siar harga kepada peratusan tertentu terhadap aset Koperasi.

d) Risiko kecairan

Koperasi memastikan bahawa dana mencukupi bagi memenuhi liabiliti mereka dan secara kos efektif dengan mempelbagaikan sumber pembiayaan dan menjadualkan pembayaran hutang kepada beberapa peringkat kematangan. Objektif untuk kematangan hutang ialah untuk memastikan amaun yang matang di dalam sesuatu tahun tidak melebihi daripada kebolehan Koperasi untuk membayar atau melalui pembiayaan semula.

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2023**

NOTA 21: **INSTRUMEN KEWANGAN**

| | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| **Aset kewangan** | | |
| - Pinjaman anggota | 9,900.00 | 21,150.00 |
| - Deposit | 3,000.00 | 3,000.00 |
| - Wang di bank dan tangan | 1,455,901.61 | 1,537,545.16 |
| | 1,468,801.61 | 1,561,695.16 |
| **Liabiliti kewangan** | | |
| - Pelbagai pemiutang dan akruan | 23,900.00 | 12,056.80 |
| | 23,900.00 | 12,056.80 |

NOTA 22: **TARIKH PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN**

Penyata kewangan Koperasi telah diluluskan untuk terbitan oleh Anggota Lembaga Koperasi mengikut resolusi Anggota Lembaga Koperasi pada 18 OCT 2024

# ANGGARAN BELANJAWAN 2025

| | Belanjawaan 2025 RM |
|---|---|
| *PENDAPATAN | |
| *Pendapatan Dari Aktiviti* | |
| Kedai Serbaneka | 90,000.00 |
| Sewaan Taska | 9,600.00 |
| Komisen Mesin Air | 4,800.00 |
| Consignment | 10,000.00 |
| Kredit Pembiayaan | 10,000.00 |
| Hibah & Dividen Bank | 17,000.00 |
| Fixed Deposit Dividen | 36,000.00 |
| Pelarasan Sumbangan RM1juta X 5% Setahun | 50,000.00 |
| Pelarasan Dana Bina CoopMart RM90ribu 5% setahun | 4,500.00 |
| | 231,900.00 |
| *PERBELANJAAN | |
| *Perbelanjaan Am* | |
| Fi Audit | 3,000.00 |
| Susutnilai Aset Tetap | - |
| | 3,000.00 |
| *Pelbagai Perbelanjaan* | |
| Gaji dan Elaun | 90,000.00 |
| KWSP dan Perkeso | 9,000.00 |
| Saraan Pentadbir | - |
| Elaun Kerja Luar | - |
| Faedah Pinjaman | - |
| Mesyuarat Agung | 10,000.00 |
| Perbelanjaan Mesyuarat ALK | 5,000.00 |
| Saman dan Penalti | - |
| Percetakan dan Alatulis | 2,000.00 |
| Internet | 1,200.00 |
| Cukai Tanah, Taksiran dan Pembentungan | - |
| Penyelenggaraan Pejabat dan Kedai | 10,000.00 |
| Elaun Juruaudit Dalaman (Elaun Khas) | 3,000.00 |
| Latihan ALK dan Kakitangan | 5,000.00 |
| Derma dan Sumbangan | 10,000.00 |
| Eletrik dan Air | - |
| Perubatan | 500.00 |
| Fi Guaman | 5,000.00 |
| Yuran Pemerosesan/Lesen | 500.00 |
| Setem, Pos dan Kurier | 500.00 |
| Caj Bank | 1,000.00 |
| Pelbagai | 3,000.00 |
| Jumlah Pelbagai Perbelanjaan | 155,700.00 |
| Jumlah Perbelanjaan | 158,700.00 |
| Lebihan Pendapatan Dari Perbelanjaan | RM 73,200.00 |

* Tertakluk kepada perubahan/bidang aktiviti perniagaan koperasi.

Nota: Peraturan 14 (2) Perbelanjaan koperasi berdaftar tidak boleh melebihi lima peratus daripada amaun yang diperuntukkan dalam belanjawan yang disediakan di bawah subperaturan (1) kecuali dengan kebenaran mesyuarat agung

# MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-5

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD**

**MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-5**

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | **30 November 2022 (Khamis)** |
| **Masa** | : | **2.00 Petang** |
| **Tempat** | : | **Auditorium SPRM,**<br>**Aras 3, Blok A Ibu Pejabat SPRM,**<br>**Presint 7, Lebuh Wawasan**<br>**62250 Putrajaya** |

**Yang hadir:-**

YBhg. Dato' Sri Shamshun Baharin Bin Mohd Jamil (Pengerusi) dan seramai **176 orang** seperti di **LAMPIRAN A.**

**AGENDA 1 : UCAPAN PENGERUSI KOSPERA**

YBhg. Dato' Sri Pengerusi mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua anggota yang hadir ke mesyuarat. Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Lembaga Koperasi di atas komitmen yang diberikan hingga berjaya menganjurkan Mesyuarat Agung KOSPERA Kali Ke-5. Beliau berharap agar semua memberi sokongan kepada KOSPERA agar KOSPERA bergerak lebih maju seiring dengan objektif penubuhannya.

**AGENDA 1(a) : MELANTIK PENGERUSI MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-5**

Dato' Sri Shamshun Baharin bin Mohd Jamil (K00003) telah dilantik untuk mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-5.

| | | |
|---|---|---|
| **Cadangan** | : | Naznin binti Ahmad Zahidi (K00041) |
| **Sokongan** | : | Siti Rahayu binti Che Rahim (K00113) |

# MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-5

| | | |
|---|---|---|
| **AGENDA 1(b)** | **:** | **MELANTIK PENCATAT MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-5** |
| | | Puan Rozila binti Abdullah @ Romli (K00007) telah dilantik sebagai Pencatat Minit Mesyuarat Agung Tahunan. |
| Cadangan | : | Siti Zakiah binti Che Man (K00006) |
| Sokongan | : | Disokong oleh semua ahli mesyuarat. |
| **AGENDA 2** | **:** | **PENGESAHAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-4** |
| Dibentang | : | Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-4 pada tahun 2022 dibaca dan disemak bersama. |
| Diluluskan | : | Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-4 pada tahun 2021 disemak dan disahkan (seperti di **LAMPIRAN B**) |
| Cadangan | : | Mohamad Hafizi bin Mohd Salleh (K00020) |
| Sokongan | : | Hadi bin Husin (K00010) |
| **AGENDA 3** | **:** | **MEMBENTANGKAN LAPORAN TAHUNAN LEMBAGA** |
| Dibentang | : | Laporan Tahunan Lembaga 2022 dibentangkan oleh Setiausaha dan ALK. (Seperti **LAMPIRAN C**) |
| | **:** | **MENIMBANG DAN MELULUSKAN LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT BEBAS, PENYATA KEWANGAN KOSPERA DAN BELANJAWAN TAHUN 2024** |
| Dibentang | : | Akaun-akaun KOSPERA yang telah selesai proses audit luar dibentangkan oleh Bendahari. |
| Diluluskan | : | Akaun-akaun KOSPERA (selesai proses Audit Luar) bersama Laporan Jawatankuasa Audit Bebas bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 serta Anggaran Belanjawan Tahun 2024 diterima dan diluluskan (seperti di **LAMPIRAN D**). |
| Cadangan | : | Fariza binti Omar (K00178) |
| Sokongan | : | Yusliza binti Mohd Yusoff (K00194) |
| **AGENDA 4 (a)** | **:** | **MEMILIH DAN MELANTIK LIMA AHLI LEMBAGA BARU** |

# MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-5

Mesyuarat hari ini hendaklah memilih lima (5) Ahli Lembaga (ALK) baru selepas lima (5) ALK bagi sesi 2021-2022 telah mengosongkan jawatan seperti berikut:

1. Megat Nor Esham bin Megat Mohd Salleh (K00005)
2. Harmilah biti Kudi (K00081)
3. Saiful Azri bin Mohamad (K00008)
4. Azwani binti Talha (K00334)
5. Siti Zakiah binti Che Man (K00006)

**Cadangan 1** : Mohd Faisal bin Othman (K00023)

**Nama Calon 1 : Megat Nor Esham bin Megat Mohd Salleh (K00005)**

Sokongan : Hadi bin Husin (K00010)

**Cadangan 2** : Rozila binti Abdullah @ Romli (K00007)

**Nama Calon 2 : Harmilah binti Kudi (K00081)**

Sokongan : Rozi binti Rahman (K00284)

**Cadangan 3** : Mohd Faizal bin Abdul Hamid (K00130)

**Nama Calon 3 : Saiful Azri bin Mohamad (K00008)**

Sokongan : Mohamed Reemos Khan bin Fajarul Rahman (K00064)

**Cadangan 4** : Nor Khamishah binti Osman (K00019)

**Nama Calon 4 : Siti Zubaidah binti Mohd Yusof (K00024)**

Sokongan : Hadi bin Husin (K00010)

**Cadangan 5** : Megat Nor Esham bin Megat Mohd Salleh (K00005)

**Nama Calon 5 : Fariza binti Omar (K00178)**

Sokongan : Hadi bin Husin (K00010)

**Cadangan 6** : Effezul Azran bin Abd Maulop (K00077)

**Nama Calon 6 : Mohamad Izam bin Abd Nasir (K00206)**

Sokongan : Lukman bin MOhamad Hosni (K00517)

# MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-5

| | | |
|---|---|---|
| **Cadangan 7** | : | Effezul Azran bin Abd Maulop (K00077) |
| | | **Nama Calon 7 : Azwani binti Talha (K00334)** |
| Sokongan | : | Megat Nor Esham bin Megat Mohd Salleh (K00005) |
| Keputusan | : | **Lima (5) Anggota baru** yang terpilih bagi tempoh **2023/2024** berdasarkan undian adalah seperti berikut: |
| | | **1. Megat Nor Esham bin Megat Mohd Salleh (K00005)** |
| | | **2. Harmilah binti Kudi (K00081)** |
| | | **3. Saiful Azri bin Mohamad (K00008)** |
| | | **4. Fariza binti Omar (K00178)** |
| | | **5. Siti Zubaidah binti Mohd Yusof (K00024)** |
| | | Senarai penuh ALK adalah seperti di **LAMPIRAN E.** |
| **AGENDA 4 (b)** | : | **MEMILIH DAN MELANTIK SATU JAWATANKUASA PENENTUSAH MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUN 2021** |
| Dilaporkan | : | Mesyuarat hendaklah memilih satu Jawatankuasa yang terdiri daripada **empat (4) orang Ahli Lembaga Koperasi (ALK)** serta **enam (6) orang Anggota** bagi menentusahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan. |
| Persetujuan | : | Mesyuarat dengan sebulat suara bersetuju memberi mandat kepada Anggota Lembaga bagi memilih enam (6) orang anggota KOSPERA untuk dilantik sebagai Jawatankuasa menentusahkan draf minit Mesyuarat Agung Tahunan. Anggota yang terpilih adalah seperti berikut: |
| | | **1. Mohamad Hafizi bin Mohd Salleh (K00020)** |
| | | **2. Yusliza binti Mohd Yusoff (K00194)** |
| | | **3. Siti Rahayu binti Che Rahim (K00113)** |
| | | **4. Naznin binti Ahmad Zahidi (K00041)** |
| | | **5. Hossen bin Abdul Rahim (K00199)** |
| | | **6. Muhamad Mustari bin Mustapah (K00107)** |

# MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-5

Manakala empat (4) orang daripada kalangan ALK adalah:

**1. Noraini binti Ahmad (K00100)**

**2. Hadi bin Husin (K00010)**

**3. Suzana binti Mohamad Ramli (K00056)**

**4. Mohamad Lotfi bin Ismail (K00118)**

| | | |
|---|---|---|
| Cadangan | : | Dato' Sri Shamshun Baharin bin Mohd Jamil (K00003) |
| Sokongan | : | Dipersetujui sebulat suara poleh ahli mesyuarat. |
| **AGENDA 4 (c)** | **:** | **MEMILIH DAN MELANTIK JURUAUDIT DALAM (JAD)** |
| Dibentang | : | Setiausaha memaklumkan 3 pegawai yang telah menggalas tanggungjawab sebagai ahli jawatankuasa audit dalam di samping sebagai penasihat kepada Ahli Lembaga KOSPERA bagi akaun berakhir 31 Disember 2023 ini adalah:<br><br>1. Tuan Mohd Nazali bin Md Jidin,<br>2. Tuan Mohamad Faiz bin Rahmat; dan<br>3. Tuan Harussani bin Hamzah. |
| Diluluskan | : | Mesyuarat melulus dan bersetuju untuk mengekalkan Juruaudit Dalam yang sedia ada iaitu:-<br><br>**1. Mohd Nazli bin Md Jidin (K00018)**<br><br>**2. Mohamad Faiz bin Rahmat (K00053)**<br><br>**3. Harussani bin Hamzah (K00012)** |
| Cadangan | : | Hossen bin Abdul Rahim (K00199) |
| Sokongan | : | Halimah binti Md Shariff (K00016) |
| **AGENDA 5** | **:** | **MENIMBANG DAN MELULUSKAN JS ASSOCIATES CHARTERED ACCOUNTANTS SEBAGAI JURU AUDIT LUAR BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023** |
| Cadangan | : | Halimah binti Md Shariff (K00016) |
| Sokongan | : | Hossen bin Abdul Rahim (K00199) |

# MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-5

| | | |
|---|---|---|
| **AGENDA 6** | **:** | **MENIMBANG DAN MELULUSKAN HAD MAKSIMUM PELABURAN KOPERASI.** |
| Diluluskan | : | Had pelaburan wang lebihan Koperasi adalah sebanyak **RM5 juta**. |
| Cadangan | : | Fariza binti Omar (K00178) |
| Sokongan | : | Mohamad Lotfi bin Ismail (K00118) |
| **AGENDA 7** | **:** | **MENIMBANG DAN MELULUSKAN HAD PELABURAN WANG LEBIHAN KOPERASI** |
| | | Had maksimum keterhutangan koperasi ialah sebanyak **RM10 juta.** |
| Cadangan | : | Halimah binti Md Shariff (K00016) |
| Sokongan | : | Hossen bin Abdul Rahim (K00199) |
| **AGENDA 8 (a)** | **:** | **MEMBENTANG DAN MELULUSKAN APA-APA CADANGAN BARU.** |
| Usul 1 | : | Mencadang untuk melantik Pengurus Besar. |
| Usul 2 | : | Cadangan untuk mengambil pekerja harian (PSH) untuk membantu pentadbiran. |
| Usul 3 | : | Penambahan pelaburan emas digital melalui Yapeim. |
| Usul 4 | : | Pengeluaran Kad Kredit di mana KOSPERA berkolaborasi antara Bank Rakyat yang memberi keistimewaan kepada anggota KOSPERA. |
| Usul 5 | : | Penawaran pinjaman wang sehingga RM10,000.00 |
| Usul 6 | : | Melantik perwakilan bahagian di negeri-negeri untuk mempermudahkan Mesyuarat Agung. |
| **AGENDA 8 (b)** | **:** | **MEMBENTANG, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN APA-APA USUL ATAU URUSAN LAIN YANG DIHANTAR KEPADA KOPERASI SEKURANG-KURANGNYA TUJUH (7) HARI SEBELUM TARIKH MESYUARAT AGUNG.** |
| Makluman | : | Mesyuarat dimaklumkan tiada sebarang usul yang diterima untuk dibentang, ditimbang dan diputuskan pada mesyuarat kali ini. |

# MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-5

**AGENDA 9 : LAIN-LAIN HAL**

Makluman : Dicadangkan agar mendapatkan ahli/anggota KOSPERA lebih ramai.

YBhg. Dato' Sri Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua anggota yang hadir pada Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-5 dan menangguhkan mesyuarat pada jam 3.38 petang.

Minit disediakan oleh Jawatankuasa Menentusahkan deraf Minit Mesyuarat Agung Kali Ke-5.

**Bagi Pihak Anggota Lembaga**

| | |
|---|---|
| (Noraini binti Ahmad)<br>K00100<br>Anggota Lembaga | (Haeri bin Husin)<br>K00010<br>Anggota Lembaga |
| (Suzana binti Mohamad Ramli)<br>K00056<br>Anggota Lembaga | (Mohamad Lotfi bin Ismail)<br>K00118<br>Anggota Lembaga |

# MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-5

**Bagi Pihak Anggota Koperasi**

| | |
|---|---|
| ............................. (Mohamad Hafizi bin Mohd Salleh) K00020 | ............................. (Yusliza binti Mohd Yusoff) K00194 |
| ............................. (Siti Rahayu binti Che Rahim) K00113 | ............................. (Naznin binti Ahmad Zahidi) K00041 |
| ............................. (Hossen bin Abdul Rahim) K00199 | ............................. (Muhamad Mustari bin Mustapah) K00107 |

*"Prihatin, Mesra dan Profesional"*

KOSPERA

كوڤراسي سوروهنجاي ڤنچڬهن رسواه مليسيا برحد


03-88911911

www.kospera.coop.my

kospera@sprm.gov.my

d/a Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya